

Syed Razak angkat sumpah MB Kedah

UM 12 DEC 1993

ALOR SETAR 11 Dis. — Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kubang Rotan, Datuk Syed Razak Syed Zain hari ini mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Kedah yang baru di Istana Anak Bukit di sini.

Istiadat pelantikan Menteri Besar Kedah ke-6 itu yang berlangsung di hadapan Sultan Kedah, disaksikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Allauddin Mohd. Sheriff dan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK), Datuk Sheikh Yahya Jusoh.

Terdahulu Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Tan Sri Shafie, membacakan surat perisytiharan pelantikan Syed Razak sebagai Menteri Besar, menggantikan Tan Sri Sanusi Junid.

Syed Razak kemudiannya melafazkan sumpah dan menandatangani surat sumpah pelantikan Menteri Besar sebelum mengadap Sultan Kedah untuk menerima tauliah pelantikan.

Turut berangkat ke istiadat tersebut ialah Sultanah Kedah, Raja Muda dan Raja Puan Muda, Tunku Bendahara dan Toh Puan Bendahara.

Hadir sama ialah isteri Syed Razak, Datin Sharifah Hamidah Syed Hamid, pembesar-pembesar negeri dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah dan ketua-ketua jabatan.

Sejak Sanusi mengumumkan beliau enggan menerima jawatan Menteri Besar pada 4 Disember lalu, Syed Razak merupakan antara yang disebut-sebut mengisi kekosongan jawatan itu.

Bekas Exco kanan kerajaan negeri itu dilihat sebagai calon yang paling layak berdasarkan pengalamannya dalam kerajaan negeri sejak menjadi wakil rakyat pada tahun 1986.

Bercakap pada sidang akhbar selepas istiadat tersebut, Syed Razak memberitahu isu-isu kemiskinan, masalah penduduk luar bandar, petani dan nelayan merupakan antara agenda penting yang akan diberi tumpuan.

Menurutnya, beliau telah mengadakan pertemuan dengan Sultan Kedah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bekas-bekas Menteri Besar, Sanusi dan Tan Sri Osman Aroff untuk mendapatkan nasihat berhubung pentadbiran kerajaan negeri.

Mengenai pembentukan Exco kerajaan negeri, beliau berkata, senarai mereka yang akan dilantik telah dirujuk kepada Perdana Menteri dan juga Sultan Kedah.

“Exco yang akan dilantik nanti merupakan mereka yang disenangi oleh semua pihak,” ujarnya.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri yang memberi kepercayaan kepadanya untuk memegang jawatan tersebut dan berjanji akan melaksanakan amanah itu sebaik mungkin.

Katanya, beliau tidak pernah bercita-cita untuk menjadi Menteri Besar kerana yang penting padanya adalah melakukan tugas yang diberikan.